

16/08/2002

Islam perlu berani tepis dakyah Barat

Wan Hazmir Bakar

SHAH ALAM, Khamis - Umat Islam di seluruh dunia perlu menangani prasangka terhadap Islam dengan membabitkan diri dalam wacana perangkaan dasar serta dalam media di Amerika Syarikat serta Eropah dan bukan meminggirkan diri dan mengengangkan kegemilangan lampau Islam.

Pengarang Emeritus The Toronto Star, Haroon Siddiqui, berkata ia kerana umat Islam sekarang menghadapi cabaran paling getir selepas peristiwa 11 September yang menyaksikan dasar Amerika Syarikat beralih kepada tindakan ketenteraan yang berpanjangan.

"Barat menggunakan hampir seluruh abad lalu untuk cuba menghakis Islam atau identiti umat Islam atau sekurang-kurangnya meminimumkan politik Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika syarahan bertajuk Media Dan Muslim, Pasca 11 September-Konteks Amerika Utara, pada Wacana Politik Ilmu, Sains dan Teknologi anjuran Institut Pengembangan Ilmu (InKA) Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini hari ini. Ia diadakan sempena Dialog Mahathir anjuran InKA.

Haroon berkata, disebabkan retorik anti-Islam akibat prejudis terhadap Islam sejak berabad lalu, Islam terus dihakimi dengan kayu pengukur berbeza berbanding agama lain.

Katanya, ia menyebabkan wujud gelaran keganasan Islam tetapi tidak keganasan Kristian, keganasan Hindu atau keganasan Yahudi, sama seperti bom Islam, tetapi tidak bom Kristian, bom Hindu atau bom Yahudi.

"Pengajarannya jelas, sama ketika kita terpaksa menghadapi gerakan anti-Kristian ketika era awal Amerika Utara dan anti-Semitisme ketika era lain, cabaran pada era kini ialah untuk menundukkan gerakan anti-Islam," katanya.

Haroon berkata, Islam juga dikaitkan dengan keganasan menerusi ungkapan pengebom berani mati Islam, walhal perkara sama juga dilakukan mereka yang beragama Hindu, Kristian dan Yahudi.

Malah, katanya, tindakan pejuang Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) yang melakukan kira-kira 230 serangan bom berani mati, berbanding kurang 100 oleh pejuang Palestin tidak dikaitkan dengan agama Hindu.

"Jika kita merujuk sejarah, ternyata orang Kristian membunuh lebih ramai orang Islam dan Yahudi atas nama agama berbanding sebaliknya," katanya.

Haroon juga berkata, hak umat Islam kini dicabuli, khususnya di Amerika Syarikat di mana mereka menghadapi pelbagai tindakan yang tidak adil, termasuk hampir 1,200 ditahan tanpa didakwa di mahkamah dan 5,000 pelajar dan pelancong Islam disoal siasat polis.

Katanya, hampir semua 48 pertubuhan Islam yang dicap sebagai pertubuhan pengganas juga dinafikan hak menjawab tuduhan di mahkamah.

"Apa yang kita hadapi ialah hukuman berpilih terhadap golongan minoriti yang tidak popular, bukan usaha memerangi keganasan," katanya.

Haroon juga berkata, kebanyakan media utama Kanada, khususnya Amerika pula menghebahkan jingoisme (semangat kebangsaan melampau) terhadap Islam dan umat Islam.

Sambil menyatakan kekurangan pengetahuan mengenai Islam adalah antara punca, beliau berkata wartawan masih merujuk umat Islam sebagai 'orang lain' walaupun mereka sudah menjadi rakyat negara berkenaan.